PP

lwn.

DATO' NALLAKARUPPAN SOLAIMALAI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
ARIFIN JAKA H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-40-98]
23 MAC 1999

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Faktor-faktor yang perlu diambil kira - Fakta-fakta yang tidak harus diambil kira - Pengakuan salah - Keadaan dalamana kesalahan dilakukan - Kesalahan pertama - Nama baik dan latar belakang - Kesihatan - Kepentingan awam*

Dato' Nallakaruppan Solaimalai ('OKT') telah dibicarakan atas tuduhan memiliki 125 butir peluru jenis Fiocchi 6.35mm di dalam kawasan keselamatan tanpa kebenaran yang sah di bawah s. 57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan sekiranya disabitkan kesalahannya boleh dihukum mati mandatori di bawah seksyen yang sama. Setelah dijalankan perbicaraan selama dua belas hari, pihak pendakwaraya telah memohon supaya pertuduhan yang asal dipinda kepada pertuduhan yang baru dibawah s. 8(a) Akta Senjata Api 1960. Pertuduhan yang baru itu telah dibaca dan diterangkan oleh jurubahasa mahkamah kepada OKT dan beliau telah mengaku salah atas pertuduhan baru tersebut. OKT memberitahu mahkamah bahawa beliau faham pertuduhan yang dihadapinya serta faham maksud dan akibat daripada pengakuan salah yang dibuatnya. Fakta-fakta kes telah dibentangkan oleh Timbalan Pendakwaraya, dan telah diterima dan diakui betul oleh OKT. Oleh yang demikian, hakim yang bijaksana telah menerima pengakuan salah OKT dan mendapati OKT bersalah atas tuduhan yang dipinda. Sebelum menjatuhkan hukuman, peguambela bagi OKT telah memohon mahkamah untuk mengambil kira beberapa faktor sebelum menjatuhkan hukuman.

Diputuskan:

[1] Pengakuan salah seseorang tertuduh adalah salah satu faktor yang diambil kira oleh mahkamah apabila menjatuhkan hukuman dan merupakan salah satu faktor untuk meringankan hukuman. Walaubagaimanapun, OKT telah mengaku salah hanya selepas dua belas hari perbicaraan dijalankan dan setelah pertuduhan asal telah dipinda. Banyak masa telah terbuang dan saksi-saksi telah mengalami kesulitan. Oleh itu, pengakuan salah yang dibuat oleh OKT di dalam keadaan ini tidaklah boleh diterima sebagai satu fakta yang boleh meringankan hukuman.

[2] OKT telah menyimpan amunisi tanpa permit dengan sengaja dan beliau tahu bahawa perbuatannya adalah merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang dan alasan OKT bahawa beliau telah terlupa untuk menyerahkan amunisi tidak boleh diterima. Oleh yang demikian, terlupa untuk menyerahkan amunisi tersebut bukanlah merupakan satu faktor untuk mengurangkan hukuman. Kesalahan adalah kesalahan dan 'terlupa' bukanlah satu pembelaan.

[3] Kesalahan pertama adalah satu faktor untuk meringankan hukuman. Walaubagaimanpun, kesalahan yang dilakukan adalah serius, iaitu memiliki amunisi dengan penuh pengetahuan bahawa bahawa undang-undang tidak membenarkan untuk memilikinya dan kedudukan OKT yang tinggi dikalangan masyarakat umum seolah-olah memberikan gambaran bahawa OKT bebas melakukan apa jua yang beliau suka. Oleh yang demikian, kesalahan pertama yang dilakukan bukanlah merupakan satu fakta yang boleh meringankan hukuman.

[4] Adalah tidak dinafikan bahawa OKT merupakan seorang yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat. Walaubagaimanapun, kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat bukanlan merupakan satu faktor untuk menjamin bahawa hukuman boleh diringankan.

[5] Keadaan kesihatan seseorang tertuduh wajar diambil kira apabila menjatuhkan hukuman. Walaubagaimanapun, didalam kes ini, OKT telah menerima rawatan di hospital semasa beliau menjalankan hukuman. Pihak penjara adalah orang yang bertanggung-jawab atas rawatan yang diperlukan oleh OKT dan perkara ini bukanlah merupakan satu perkara yang susah untuk diaturkan.

[6] Kepentingan awam dan sifat serius kesalahan yang dilakukan adalah merupakan satu faktor penting yang mesti diambil kira sebelum menjatuhkan hukuman. Setelah mengambil kira sifat serius kesalahan yang dilakukan dan kedudukan serta taraf OKT, kepentingan awam adalah terpelihara jika hukuman penjara dikenakan bagi mengelakkan anggapan orang ramai bahawa seseorang yang mempunyai kedudukan tinggi boleh lari daripada hukuman penjara. Hukuman denda tidak memadai dan tidak mendatangkan kesan dan mencerminkan betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh OKT.

[OKT dijatuhkan hukuman penjara selama 42 bulan bermula dari tarikh beliau ditangkap.]

Kes yang dirujuk:
Abu Bakar Alif v. R [1953] 19 MLJ 17 ***(dirujuk)***
Lim Guan Eng v. PP [1998] 3 CLJ 769 ***(dirujuk)***
Melvani v. PP [1971] 1 MLJ 137 ***(dirujuk)***
PP v. Sulaiman Ahmad [1993] 1 MLJ 74 ***(dirujuk)***
PP v. Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 ***(dirujuk)***
Sau Soo Kim v. PP [1975] 2 MLJ 134 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Firearms Act 1960, s. 8(a)
Internal Security Act 1960, s. 57(1)(b)

Bagi pihak tertuduh - Jagjit Singh - T/n Balwant Singh Sidhu & Co

Dilaporkan oleh Farah Naim

PENGHAKIMAN

Arifin Jaka H:

Pada mulanya Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai, iaitu orang kena tuduh (selepas ini dipanggil "OKT") dibicarakan di atas tuduhan memiliki 125 butir peluru jenis Fiocchi 6.35 mm di dalam kawasan keselamatan tanpa kebenaran yang sah di bawah s. 57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (semakan 1972) dan jika disabitkan kesalahannya boleh dihukum mati mandatori di bawah seksyen yang sama. Sebelum ditangkap OKT adalah pengarah eksekutif Magnum Corporation Sdn. Bhd., pengarah Malaysian Plantations Berhad dan Kemunting Corporation Berhad yang disenaraikan di papan pertama dan Pengarah Congai Corporation yang disenarai di papan kedua di Kuala Lumpur Stock Exchange.

Setelah dijalankan perbicaraan selama dua belas (12) hari Pendakwa Raya memohon pertuduhan yang asal dipinda kepada tuduhan yang baru seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 31 haribulan Julai 1998, lebih kurang jam 8.00 malam di rumah No. 1-1, Selekoh Tunku, Bukit Tunku, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melanggar peruntukan Akta Senjata Api 1960 (Akta 206), dengan memiliki amunisi, iaitu 125 butir jenis Fiocchi 6.35 mm tanpa permit senjatapi bagi tujuan tersebut, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 8(a) Akta Senjatapi 1960 (Akta 206) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan yang baru dibaca dan diterangkan oleh jurubahasa mahkamah kepada OKT dan beliau mengaku salah atas pertuduhan ini. OKT memberitahu mahkamah bahawa beliau faham pertuduhan yang dihadapinya dan faham maksud dan akibat pengakuan salah yang dibuatnya.

Fakta-fakta kes ini yang dibentangkan oleh Timbalan Pendakwa Raya adalah seperti berikut. Pada 31 Julai 1998 berasaskan maklumat yang diperolehi satu pasukan polis diketuai oleh SAC 1 Musa bin Hj. Hassan telah membuat serbuan di rumah No. 1-1 Selekoh Tunku, Bukit Tunku, Kuala Lumpur yang didiami oleh OKT dan keluarganya. Semasa polis menggeledah rumah itu OKT sentiasa berada bersama. Hasil dari penggeledahan tersebut pihak polis telah menjumpai dari dalam sebuah peti besi yang terletak di dalam bilik tidur utama sebanyak tiga kotak mengandungi 125 butir amunisi jenis Fiocchi 6.35 mm. Peti besi adalah seperti di dalam gambar yang ditandakan P1. Peti besi itu dibuka sendiri oleh OKT dengan menggunakan kunci (P2) dan kombinasi nombor yang ada dalam pengetahuan beliau sendiri. Polis merampas kotak-kotak tersebut iaitu kotak pertama (P3A) mengandungi 50 butir amunisi, kotak kedua (P3B) mengandungi 50 butir amunisi dan kotak ketiga (P3C) mengandungi 25 butir amunisi.

Kesemua 125 butir amunisi ini kemudiannya dihantar kepada Pegawai Teknikal Persenjataan Polis Di-Raja Malaysia untuk ujian teknikal (ujian tembak dan serviceable test). Tiga butir amunisi telah diuji tembak dan didapati meletup. Setelah menjalankan pemeriksaan fisikal ke atas amunisi tersebut dan ujian tembakan dengan menggunakan tiga butir amunisi pegawai teknikal tersebut merumuskan bahawa semua amunisi yang berkenaan masih berkeadaan serviceable dan boleh digunakan (kelongsong dan slug yang diuji – P4 dan Lapuran ujian teknikal – P5).

Hasil siasatan polis mendedahkan bahawa OKT mempunyai milikan ekslusif 125 butir amunisi tersebut dan juga mendedahkan OKT tidak mempunyai permit senjata api yang sah bagi memiliki amunisi tersebut pada hari serbuan dijalankan di rumahnya iaitu pada 31 Julai 1998.

Fakta-fakta adalah diterima dan diakui betul oleh OKT. Oleh yang demikian mahkamah menerima pengakuan salah oleh OKT dan mendapati OKT bersalah atas tuduhan yang dipinda.

Pada lazimnya mahkamah mengambil kira beberapa faktor apabila menjatuhkan hukuman ke atas seseorang yang dituduh didapati bersalah. Encik Jagjit Singh peguambela bagi pihak OKT dalam rayuan meringankan hukuman mengemukakan beberapa faktor untuk diambil kira oleh mahkamah iaitu:

(a) Pengakuan Salah (Guilty Plea)

> Pengakuan salah oleh orang yang kena tuduh adalah salah satu faktor yang diambil kira oleh mahkamah apabila menjatuhkan hukuman (lihat *Melvani v. Public Prosecutor* [1971] 1 MLJ 137). Pengakuan salah adalah satu faktor untuk meringankan hukuman. Sehubungan dengan ini di dalam kes *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 Y.A. Lee Hun Hoe (CJ Borneo) berkata di ms 137:

> Whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilty should be treated as a mitigating factor. It not only saves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time and inconvenience of many, particularly the witnesses.

Di dalam kes sekarang OKT telah mengaku salah hanya selepas perbicaraan dijalankan selama dua belas (12) hari dan apabila pertuduhan dipinda. Dari fakta kes ini adalah nyata OKT menukar pendiriannya dan memilih untuk memberi kerjasama dengan pihak polis selepas banyak masa terbuang dan kesusahan kepada saksi yang telah memberi keterangan. Jika kerjasama ini diberikan sebelum OKT dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan yang asal saya percaya pihak Pendakwa Raya mungkin menggunakan budibicaranya untuk mengenakan tuduhan di bawah Akta Senjata Api 1960 terhadap OKT dan tidak menunggu selepas 12 hari perbicaraan dijalankan. Pengakuan salah yang dibuat oleh OKT di dalam keadaan kes ini tidaklah boleh diterima sebagai satu fakta yang boleh meringankan hukuman.

(b) Keadaan Kesalahan Dilakukan

Peguambela memaklumkan bahawa OKT telah diberikan satu permit untuk membawa dan menggunakan (Carry and Use permit) pada 10 Oktober 1985 senjata api jenis Walther Pistol serial number 282843. Permit ini membenarkan OKT membawa 200 round 0.25 calibre amunisi pada satu-satu masa. Permit pemegang utama pistol ini ialah di atas nama Dato' Lim Thian Kiat. Pistol ini telah diserahkan kepada polis pada 1 Jun 1991 untuk digantikan dengan satu revolver baru jenis Smith and Wesson.

Apabila menyerahkan pistol jenis Walther kepada Dato Lim Thian Kiat, OKT telah membuat kesilapan (exercised an error of judgment) tidak menyerahkan amunisi sebanyak 125 butir itu kepada beliau. OKT telah terlupa tentang amunisi yang masih berada di dalam simpanannya.

Saya berpendapat bahawa OKT telah menyimpan amunisi ini tanpa permit dengan sengaja dan OKT tahu perbuatan sedemikian adalah satu kesalahan. Saya tidak dapat menerima bahawa OKT telah terlupa untuk menyerahkan amunisi ini yang disimpan di dalam peti besi di dalam jagaannya. Oleh yang demikian terlupa untuk menyerahkan amunisi tersebut bukanlah satu faktor untuk mengurangkan hukuman. Kesalahan tetap kesalahan dan 'terlupa' bukanlah satu pembelaan.

(c) Kesalahan Pertama

OKT telah melakukan kesalahan yang pertama dan ini adalah satu faktor yang patut dipertimbangkan mengikut peguambela. Saya terima fakta kesalahan yang dilakukan oleh OKT adalah kesalahan yang pertama dilakukannya dan ini juga adalah satu faktor yang boleh meringankan hukuman. Tetapi tuduhan yang dihadapi oleh OKT adalah satu kesalahan yang serius dan beliau memiliki amunisi-amunisi tersebut dengan penuh pengetahuan bahawa beliau tidak dibenarkan di sisi undang-undang memilikinya. Sebagai seorang yang ternama dan mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat umum tidaklah boleh dianggap ringan perbuatannya menyimpan amunisi-amunisi tersebut tanpa permit. Dia seolah-olah memberi gambaran bahawa beliau boleh buat apa yang beliau suka. Oleh yang demikian saya putuskan kesalahan pertama yang dilakukan oleh OKT bukanlah satu fakta yang boleh meringankan hukuman di dalam keadaan kes ini.

(d) Nama Baik (Character), Umur dan Latar Belakang (Antecedent) OKT

Peguambela juga mengemukakan fakta bahawa OKT berumur 52 tahun dan mempunyai isteri dan dua orang anak yang masih kecil masing-masing berumur 5 dan 4 tahun. Selepas dituduh di mahkamah, OKT telah digugurkan sebagai pengarah syarikat-syarikat yang disebut pada awal penghakiman ini dan beliau telah hilang mata pencarian akibat perbuatannya yang bodoh sekali. OKT juga adalah salah seorang pemimpin yang dihormati di kalangan masyarakat perniagaan India di negara ini. OKT juga adalah aktif dalam politik dan pernah memegang jawatan Timbalan Ketua Pemuda, Persatuan Kongress India (Malaysian Indian Congress) selama tiga tahun. Adalah tidak boleh dinafikan OKT seorang yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat tetapi ini bukanlah bermakna hukuman harus diringankan. Setelah mengambil kira kedudukan OKT saya berpendapat hukuman penjara adalah setimpal dengan tuduhan yang dihadapinya.

(e) Kesihatan OKT

Peguambela juga menyatakan bahawa kesihatan OKT telah bertambah merosot. Semasa dalam tahanan OKT telah dimasukkan ke hospital Sungai Buloh dan Hospital Besar Kuala Lumpur kerana penyakit asthma, bronchitis, gastritis and a recurring pain in the neck. Keadaan kesihatan seorang yang kena tuduh adalah satu faktor yang diambil kira apabila menjatuhkan hukuman (*Public Prosecutor v. Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74). Saya sedia mengambil kira keadaan kesihatan OKT, tetapi OKT boleh menerima rawatan di hospital semasa beliau menjalankan

hukuman. Pihak penjara adalah bertanggungjawab atas rawatan yang diperlukan oleh OKT dan perkara ini bukanlah satu perkara yang susah diaturkan.

(f) Kepentingan Awam

Satu faktor penting yang mesti diambil kira sebelum menjatuhkan hukuman ialah kepentingan awam.

Di dalam kes *Abu Bakar bin Alif v. R* [1953] 19 MLJ 17 diputuskan antara lain:

> (2) the first and foremost consideration of punishment is the public interest. The object of punishing crime is not only to punish the offender but also to deter others.

Ditekankan juga kepentingan awam di dalam kes *Public Prosecutor v. Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186 dimana telah diputuskan:

> (i) in sentencing generally the public interest must necessarily be one of the prime considerations and more particularly in offences involving the unlawful use or possession of firearms the public interest should never be relegated to the background and must of necessity assume the foremost importance.

Hukuman yang dikenakan hendaklah mengambil kira sifat serius kesalahan yang berkenaan dan juga kepentingan awam: (lihat *Lim Guan Eng v. Public Prosecutor* [1998] 3 CLJ 769; [1998] 3 MLJ 14).

Di dalam kes sekarang ini OKT dituduh memiliki amunisi tanpa permit yang sah. Kesalahan ini adalah serius. Ini dicerminkan dengan jelas di bawah s. 8(a) Akta Senjata Api 1960 di mana hukuman ialah maksima tujuh tahun atau denda. Pada hemat saya memiliki amunisi tanpa permit adalah satu kesalahan yang serius dan tidak boleh dianggap ringan kerana amunisi ini boleh digunakan bagi maksud yang tidak boleh dinilaikan akibatnya dan ini adalah menjejaskan kepentingan awam. Setelah mengambil kira kedudukan dan taraf OKT saya berpendapat kepentingan awam adalah terpelihara jika hukuman penjara dikenakan terhadap OKT bagi mengelakkan anggapan orang ramai bahawa seseorang yang mempunyai kedudukan tinggi boleh lari dari hukuman penjara. Oleh yang demikian saya berpendapat hukuman denda tidaklah memadai dan tidak akan memberi kesan dan mencerminkan betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh OKT.

Rumusan

Setelah meneliti dan mengambil kira faktor-faktor yang boleh meringankan hukuman yang saya huraikan di atas terutamanya kepentingan awam dan menyedari bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT adalah serius saya berpendapat hukuman penjara selama 42 bulan bermula dari tarikh tangkapan adalah berpatutan.

OKT dijatuhkan hukuman penjara selama 42 bulan bermula dari tarikh beliau ditangkap.